

ARAHAN KEPADA PIHAK YANG MENUNTUT**(dikemas kini 24.4.2024)**

1. Anda hendaklah mencetak sendiri Borang 1 ini dalam **TIGA (3) SALINAN** dan jika terdapat lebih daripada seorang penentang, dengan salinan tambahan bagi tiap-tiap Penentang.
 - i. Satu (1) salinan untuk rujukan anda dan dibawa semasa pendengaran;
 - ii. Satu (1) salinan untuk diserahkan kepada tiap-tiap Penentang;
 - iii. Satu (1) salinan untuk dikemukakan kepada Tribunal semasa pendengaran.

(Contoh: Jika jumlah Penentang adalah 3, salinan Borang 1 yang perlu dicetak adalah sebanyak lima (5) salinan.)

2. Setiap salinan Borang 1 setelah dicetak hendaklah **ditandatangani** sendiri. Jika suatu perbadanan atau kumpulan orang yang tidak diperbadankan, anda hendaklah menyatakan nama penuh orang yang diberi kuasa bersama dengan jawatannya dan capkan dengan cop rasmi atau meterai perbadanan.
3. Anda kemudiannya mestilah **menyerahkan** satu salinan **Borang 1** yang telah ditandatangani dan dimeterai bersama-sama dengan satu salinan **resit bayaran fi pemfailan Borang 1** kepada tiap-tiap Penentang dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Borang 1 difailkan. Anda boleh menyerahkan Borang 1 kepada Penentang melalui kaedah-kaedah berikut:
 - i. **Secara serahan tangan.** Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah salinan akuan penerimaan / tandatangan / cop penerimaan / gambar penyerahan dan tarikh penyerahan;

ATAU

- ii. **Melalui pos berdaftar** yang dialamatkan kepada alamat perniagaan, petak atau kediaman yang akhir diketahui bagi Penentang. Contoh bukti penyerahan bagi kaedah ini adalah bukti pengeposan.

Pos Daftar (Track-on-8)

POS MALAYSIA | Daftar | **TRACK-ON 8**

1 Pengirim (Sender):
Nama (Name):
No. Telefon (Phone No.):

2 Penerima (Receiver):
Nama (Name):
No. Telefon (Phone No.):

RY038422649MY
RY038422649MY
RY038422649MY

Salinan untuk pejabat
Salinan untuk pelanggan
Salinan untuk pejabat

(Office use only)
(Customer's copy)

2020

4. Notis Pendengaran (Borang 4) akan dikeluarkan dalam tempoh **TIGA (3) HINGGA LIMA (5) HARI BEKERJA** dari tarikh Borang 1 difailkan. Borang 4 tersebut akan menyatakan tarikh, masa dan tempat pendengaran. Anda perlu membuat semakan dan mencetak Borang 4 melalui sistem ini selepas tempoh tersebut.
5. **Bermula pemfailan tuntutan pada 1 APRIL 2024**, anda hendaklah menyediakan salinan *hardcopy* dan membawa dokumen yang berikut semasa pendengaran:
 - i. Borang 1 yang telah ditandatangani;
 - ii. **Semua dokumen sokongan;**
 - iii. Surat kuasa wakil (bagi JMB/MC/Syarikat mana yang berkaitan); dan
 - iv. Bukti serahan Borang 1 kepada Penentang.